

# CUEPACS sokong saranan Abdullah

UM - 2/5/2007

KUALA LUMPUR 1 Mei - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menyokong saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi agar kesatuan sekerja dan majikan di negara ini mengekalkan perhubungan perusahaan yang harmoni.

Presidennya, Omar Osman memberitahu, perkara itu sentiasa menjadi dokongan CUEPACS bagi memastikan kaki-tangan awam yang menjadi tonggak perkhidmatan awam dapat melaksanakan pembangunan negara dengan berkesan.

“CUEPACS sentiasa mahukan perhubungan yang harmoni antara kesatuan sekerja dan majikan.

“Itu yang kita lakukan sejak dulu lagi bagi mewujudkan hubungan harmoni antara CUEPACS dan kerajaan agar pembangunan serta pertumbuhan ekonomi negara dapat ditingkatkan,” katanya.

Omar berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Hari Pekerja CUEPACS yang turut dihadiri Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Syed Shahir Syed Mohamud dan kira-kira 400 pemimpin gabungan kesatuan sekerja di Wisma CUEPACS di sini hari ini.

Omar mengulas perutusan Hari Pekerja 2007 Perdana Menteri yang menegaskan tentang pentingnya kerjasama antara majikan dan kesatuan sekerja dalam mengekalkan persekitaran perhubungan perusahaan yang harmoni bagi menggalakkan kestabilan dan pertumbuhan ekonomi negara.